



**IBU PEJABAT PERKHIDMATAN VETERINAR  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI  
MALAYSIA**

**WISMA TANI, BLOK PODIUM 4G1, PRESINT 4  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
62630 PUTRAJAYA, MALAYSIA  
Tel: +603 – 8870 2201 Fax: +603-8888 6051 (KPPV)  
Email: kp@dvs.gov.my**



---

## **KENYATAAN MEDIA**

Oleh

**DATO DR ABD AZIZ JAMALUDDIN  
KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN VETERINAR  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI  
25 JANUARI 2011**

### **SUSULAN KENAIKAN HARGA AYAM DAN BABI DI PASARAN**

---

Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) telah membuat susulan ke atas laporan mengenai kenaikan harga ayam dan babi hidup di pasaran oleh pihak media. Sehingga bulan Januari 2011, berdasarkan maklumat yang dipantau Jabatan, bekalan ayam dan babi adalah mencukupi bagi memenuhi permintaan sehingga menjelang lepas perayaan Tahun Baru Cina (TBC) Februari ini. Adalah dijangka 1.41 juta ekor ayam/hari dibekalkan menjelang perayaan TBC yang mana ia meningkat sebanyak 1.5% berbanding sebelum perayaan iaitu sejumlah 1.39 juta ekor ayam/hari. Keperluan daging babi untuk TBC dianggarkan meningkat 15% iaitu sebanyak 9,385 metrik tan.

Manakala pemantauan terhadap harga ayam dan babi sehingga bulan Januari 2011 pula telah menunjukkan harga ayam di ladang adalah RM4.60/kg dan harga babi di ladang adalah RM8.50/kg. **Harga ayam dan babi di ladang adalah stabil dan tiada kenaikan harga ayam dan babi di ladang yang melampau dalam tempoh yang sama.**

Pada hakikatnya, harga ayam seperti dengan produk-produk ternakan lain adalah mengikut musim-musim cuti sekolah atau perayaan kerana mekanisma bekalan dan permintaan yang tinggi. Penternak yang ingin menaikkan harga tidak akan mendapat sambutan jika bekalan berlebihan dan permintaan berkurangan. Keadaan yang berlaku buat masa ini adalah kerana harga makanan ayam meningkat iaitu daripada RM1,741/tan pada bulan Disember 2010 kepada RM1,801/tan pada bulan Januari 2011 dan ini menunjukkan peningkatan sebanyak RM60/tan pada bulan Januari 2011 yang

menyumbang kepada kenaikan harga ayam tersebut dengan kos pengeluaran sejumlah RM4.59/kg.

Manakala pada 5 bulan kebelakangan ini, pihak JPV dimaklumkan oleh para penternak babi, kadar kematian babi telah meningkat sehingga 20% berbanding keadaan biasa. Kadar kematian yang tinggi adalah disebabkan faktor penyakit yang berkepentingan ekonomi. Ini secara tidak langsung mengurangkan produktiviti dan juga mempengaruhi kekurangan bekalan semasa. Sekiranya berlaku kekurangan bekalan, harga di pasaran akan meningkat. Justeru, pengimportan daging babi dibenarkan bagi memenuhi keperluan pengguna sekiranya berlaku kekurangan bekalan. Populasi ternakan babi adalah stabil namun begitu bilangan pengguna semakin bertambah. Ini menyebabkan bekalan kurang daripada permintaan dan secara tidak langsung ia menyumbang kepada kenaikan harga di pasaran.

Sepanjang tahun 2010, pengimportan ayam bulat dan keratan ayam adalah sebanyak 31,679 metrik tan bernilai RM224 juta manakala pengimportan daging babi beku dan keratan babi adalah bernilai RM126 juta iaitu sejumlah 16,602 metrik tan. Pada tahun 2010, sejumlah 42 syarikat telah dibenarkan mengimport ayam bulat dan 19 syarikat telah dibenarkan mengimport daging babi beku (*Frozen pork*).

Merujuk kepada isu kenaikan harga ayam dan babi yang dilaporkan pihak media baru-baru ini, keadaan tersebut merupakan tren normal yang kebiasaannya berlaku dalam pasaran ayam dan babi. Faktor utama yang mempengaruhi harga ayam dan babi di ladang adalah kos pengeluaran (seperti harga makanan, anak ayam dan input pengeluaran berkaitan) di samping faktor permintaan dan penawaran di pasaran semasa.

Secara keseluruhannya dan berdasarkan analisis tersebut, para pengguna tidak perlu bimbang kerana **tiada kenaikan harga ayam dan babi yang melampau di ladang dan bekalan adalah mencukupi**. Jabatan sentiasa memantau bekalan dan situasi pasaran bagi mengesan sekiranya berlaku kekurangan bekalan yang boleh menyebabkan kenaikan harga yang melampau. Manakala pengguna boleh menjadikan panduan paras harga yang ditawarkan di pasar basah yang pada kebanyakan masa menawarkan harga ayam dan babi pada paras harga yang berpatutan.